

KENYATAAN MEDIA

8 OGOS 2019

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Suruhanjaya Tenaga Lantik Ketua Pegawai Eksekutif Baru**

**Putrajaya, 8 Ogos** – Suruhanjaya Tenaga (ST) telah melantik Abdul Razib Dawood sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) ST yang baru, berkuat kuasa 1 Ogos 2019. Razib Dawood menggantikan mantan KPE ST, Ir. Azhar Omar yang telah tamat perkhidmatan pada 1 April 2019 yang lalu.

Razib Dawood menamatkan pengajian dari University of Warwick, United Kingdom (UK) dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan dan dari University of Manitoba, Kanada dalam bidang Sarjana Sains.

Razib Dawood mempunyai 25 tahun pengalaman dalam industri tenaga dan pernah memegang beberapa jawatan penting di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sime Darby Energy Sdn. Bhd., sebelum menyertai syarikat utiliti di Australia, ElectraNet Pty Ltd dan Senergy Econnect Australia Pty Ltd.

Razib Dawood kemudiannya menyertai ST sebagai Ketua Unit Operasi Pasaran Elektrik dari Oktober 2012 hingga Ogos 2017, sebelum ditugaskan sebagai KPE Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (Malaysia Nuclear Power Corporation - MNPC) dari 2017 hingga 2018. Pada 9 April 2018, Razib Dawood dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi (KPO) ST.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Zairulliati Mali*

*Unit Promosi & Hubungan Luar*

*Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8598/+6013 2183778*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)*

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.